

**Universiti** Putra Malaysia (UPM) dan Mitsubishi Corporation terus komited menganjurkan program jubli perak penanaman 5,000 anak pokok hutan dalam usaha memulihara kehijauan flora.

Pengerusi Landskap Malaysia Tun Jeanne Abdullah berkata, inisiatif UPM mengadakan program itu sejajar keperluan iklim negara yang memerlukan banyak pokok bagi mengurangkan kesan cuaca panas di negara ini.

“Saya harap program ini membantu memulihkan fungsi ekologi serta memulihara semula hutan hujan tropika yang makin berkurangan untuk generasi masa depan.

“Program ini sangat baik dan menyihatkan dan berharap lebih ramai pihak mengajurnya,” katanya yang merasmikan program itu di UPM,

# 25 TAHUN KERJASAMA UPM, MITSUBISHI

Serdang, baru-baru ini.

Hadir sama, Naib Canselor UPM Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, Pengurus Besar Cawangan Mitsubishi Corporation Kuala Lumpur Kenji Ohta dan Timbalan Pengurus Besar Mitsubishi Corporation Japan Daisuke Tsurumi.

Sementara itu, Aini berkata, sepanjang 25 tahun lalu, program itu membabitkan sekurang-kurangnya 10,000 peserta dalam penanaman pokok tahunan.

“Ini komitmen UPM untuk memelihara dan memulihara pokok hutan serta untuk kegunaan pelajar menjalankan kajian saintifik di lokasi berkenaan.



**JEANNE (tengah) menanam pokok.**

“Program ini juga platform untuk memupuk kesedaran alam sekitar dalam kalangan pelajar dan kakitangan UPM serta masyarakat,” katanya.

Sebanyak 20 anak pokok hutan yang tersenarai dalam International Union for Conservation of Nature (IUCN) turut ditanam, antaranya balau tembaga, balau pasir, glam lintah bukit, keruling kertas, keruing latek, meranti kepong hantu, meranti damar hitam, meranti tengkawang air, meranti seraya daun besar dan mersawa gajah.

Seramai 400 sukarelawan dari Mitsubishi Corporation, Jepun, pensyarah serta pelajar UPM mengambil bahagian dalam program itu dengan menanam pokok hutan di kawasan Forestry Arboretum, Ladang 16, UPM.